

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
(SEKIJANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.11.2014

Y.B. TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah tarikh akhir bagi pihak Kementerian untuk memuktamadkan senarai barangan yang akan dikecualikan daripada Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau GST.

JAWAPAN

Jawapan:

Senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar sifar atau dikecualikan telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2015

pada 10 Oktober yang lalu. Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 dan Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 telah diwartakan pada 13 Oktober 2014.